

30/06/1999

YTL tidak dapat teruskan projek janakuasa

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata YTL Corporation Bhd tidak dapat meneruskan projek stesen janakuasa yang dicadangkan di Zimbabwe kerana beberapa pihak di dalam dan luar negara Afrika membantah cadangan itu.

Perdana Menteri berkata berikutan itu, kumpulan pembina prasarana tersebut terpaksa menarik diri daripada projek berkenaan yang sepatutnya dapat meningkatkan bekalan tenaga selain daripada meningkatkan pembangunan industri negara itu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh seorang wartawan dari Zimbabwe dalam satu sesi dialog antara Dr Mahathir dengan 18 wartawan Afrika di pejabat beliau di sini, hari ini. Wartawan itu bertanya tentang sebab projek yang dirancang oleh syarikat Malaysia di negara itu tidak disiapkan.

Perdana Menteri berkata, YTL Corporation Bhd, sebuah syarikat pelbagai aktiviti yang disenaraikan di Papan Utama dan mempunyai operasi yang meluas di seberang laut, merupakan salah sebuah syarikat yang meraih keuntungan besar di Malaysia dan sangat berupaya menjalankan projeknya di Zimbabwe jika tidak disebabkan oleh masalah itu.

Pada 15 Okt 1998, Zimbabwe dan YTL Power International Bhd, sebuah anak syarikat YTL telah menandatangani surat kontrak bagi penswastaaan dan pembesaran Stesen Janakuasa Hwange.

(END)